

Pengasas negara bangsa

UM 12.11.2007 MS11

Judul: **Onn Ja'afar Pejuang Terbilang Pengasas Sebuah Negara Bangsa**
Penulis: **Fadzil Abdullah, Kassim Thukiman dan Md. Zin Idros.**
Penyunting: **Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas**
Penerbit: **MPH Group Publishing Sdn. Bhd.**
Pengulas: **HATA WAHARI**

Allahyarham memperlihatkan kemampuannya sebagai seorang reformis serta pengkritik sosial dan politik Melayu yang cukup lantang

ke Singapura.

Buku ini memperincikan mengenai kehidupan Allahyarham di Singapura yang mencipta nama sebagai wartawan tersohor seperti di Warta Melayu dan Lembaga Melayu.

Sepanjang penglibatannya sebagai wartawan, Allahyarham Onn tidak berhenti menggunakan masyarakatnya sebagai bahan tulisannya meliputi pelbagai aspek daripada soal kelemahan pelajaran sehinggalah kepada isu pelacuran di kalangan orang Melayu.

Peranan Allahyarham sebagai pendorong kebangkitan nasionalisme Melayu pada tahun 1930-an cukup menyerlah.

Tulisannya menyentuh pelbagai bidang sama ada politik, ekonomi, pendidikan, budaya Melayu dan ancaman orang dangang terhadap ekonomi serta politik orang Melayu.

Allahyarham memperlihatkan kemampuannya sebagai seorang reformis serta pengkritik sosial dan politik Melayu yang cukup lantang.

Walaupun berbentuk buku meja kopi tetapi naskhah ini padat dengan cerita liku-liku kehidupan Allahyarham Onn semasa kecil, sebagai pegawai kerajaan dan gerakannya untuk menyatukan orang Me-



layu menentang Malayan Union.

Kepimpinan Allahyarham benar-benar teruji selepas pendudukan Jepun di mana sebagai pegawai daerah beliau berjaya mendamaikan konflik orang Melayu dan Cina di Batu Pahat angkara Parti Komunis Malaya.

Keunggulan Allahyarham sebagai pemimpin kebangsaan Melayu amat ketara apabila menggerakkan usaha untuk menentang gagasan Malayan Union pada 1946.

Melalui Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) yang ditubuhkan pada 1946, beliau dapat menyatukan orang Melayu di Batu Pahat yang tertekan akibat keganasan Bintang Tiga.

Lebih jauh daripada itu, beliau sebenarnya ingin menyatukan orang Melayu di Tanah Melayu bagi melahirkan perpaduan kebangsaan seluruh negara.

Buku ini memaparkan mengenai gerakan-gerakan yang dilakukan olah Allahyarham dalam menubuhkan UMNO dengan mengadakan Kongres Melayu Semenanjung pertama pada 1-4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur untuk membincangkan penubuhan sebuah pertubuhan politik pe-

ringkat kebangsaan.

Kongres itu sebulat suara melantik Allahyarham sebagai pengerusi dan ucapan-ucapannya sebagai pengerusi pertubuhan telah membangkitkan semangat perjuangan bangsa dan negara untuk menggagalkan penubuhan Malayan Union dan menebus maruah bangsa.

Allahyarham kemudian menggerakkan dua lagi Kongres di mana kongres ketiga yang diadakan di Istana Besar pada 11 Mei 1946 menyaksikan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) ditubuhkan secara rasmi dengan beliau merupakan yang dipertua pertama.

Kisah cita-cita beliau untuk menentang dan menggagalkan Malayan Union turut dipaparkan. Sebenarnya Onn juga mempunyai impian mahu melihat UMNO menjaga kepentingan dan hak istimewa orang Melayu, memajukan orang Melayu dalam

semua bidang, mempertahankan agama Islam dan adat resam Melayu, memelihara kedaulatan sultan-sultan Melayu seterusnya menjamin kebebasan asasi rakyat dan mewujudkan kebudayaan kebangsaan berteraskan kebudayaan Melayu.

Buku edisi khas bergambar ini memaparkan Allahyarham Onn Ja'afar seorang insan istimewa dan permata yang telah menyinarikan kegemilangan bagi mencetuskan semangat, kesedaran dan perasaan kebangsaan dalam arus siasah dan sejarah kebangkitan negara bangsa.

Onn Ja'afar Pejuang Terbilang Pengasas Sebuah Negara Bangsa diterjemah erti perjuangan, riwayat kehidupan beliau sendiri bagaikan falsafah lilin yang terus mem bakar diri sendiri demi menerangi orang lain.

Hakikat ini cukup jelas dengan menilai kesediaan Allahyarham melalui liku-liku penuh berduri untuk menentukan pegangannya sentiasa tuah walaupun terpaksa menentang arus serta melepaskan dahan yang rendah untuk berpaut.

Pemaparan perjuangan Allahyarham dalam buku ini merupakan penghargaan yang seharusnya diberikan kepada pejuang terbilang orang Melayu atas pengorbanan dan perjuangannya.